

# KEKOSONGAN JAWATAN

## PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP) PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKANIK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

### JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI DS13 / DS14 / GRED KHAS C

### BIDANG

- Mekatronik, Sistem Kawalan dan/atau Robotik

### KELAYAKAN

- i. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang **Kejuruteraan Mekanik, Kejuruteraan Pembuatan, Kejuruteraan Mekatronik** atau yang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, **DAN**
- ii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

### SYARAT MINIMA

#### I. PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (PROFESOR)

- a. 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains – WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan:
  - Sepuluh (10) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS /Scopus (Sains)

#### **ATAU**

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains - WoS, sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** kombinasi lima (5) penerbitan bab buku penyelidikan dan buku penyelidikan.

#### **DAN**

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM200,000 (Sains).
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum dua (2) pelajar PhD atau DrPH sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.

- f. Mempunyai perundingan luar luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM100,000 (Sains).
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **dan** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

## II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)

- a. 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains – WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan:
  - Lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS /Scopus (Sains)

### ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (Sains - WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** empat (4) penerbitan bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

### DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM100,000 (Sains),
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **dan** minimum satu (1) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD atau DrPH sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan.
- f. Mempunyai perundingan luar luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM40,000 (Sains).
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat **dan** dua (2) penglibatan di peringkat Universiti/kebangsaan/antarabangsa.

## III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

- a. Sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*).
- b. Pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya satu (1) semester / pengalaman dalam bidang industri minimum tiga (3) tahun / pasca doktoral minimum dua (2) tahun.

## **KRITERIA TAMBAHAN**

- a) Menunjukkan sifat kreatif, inovatif serta berdedikasi sebagai pendidik dan penyelidik.
- b) Memiliki kesihatan emosi yang baik, bersikap positif dan sanggup menghadapi cabaran untuk kecemerlangan diri dan universiti.
- c) Calon akan diberi keutamaan sekiranya mempunyai:
  - i. Sijil profesional (Ir.) dalam bidang berkaitan dan mempunyai pengalaman sebagai pensyarah (sambilan atau kontrak) atau Pasca Kedoktoran dengan rekod penyelidikan dan penerbitan yang baik.
  - ii. pengalaman menguruskan program akademik dan menerajui projek penyelidikan.
  - iii. berpengalaman menguruskan pengambilan/promosi program sarjana muda dan pascasiswazah.

## **SPESIFIKASI TUGAS**

- a) Bertanggungjawab sebagai pensyarah program Kejuruteraan Mekanik / Kejuruteraan Pembuatan yang ditawarkan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik, USM.
- b) Menyelia pelajar PhD, MSc dan pra-siswazah dan menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan bidang kepakaran dan menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks WoS [Q1/Q2].
- c) Melibatkan diri dalam perkhidmatan analisis yang ditawarkan kepada pihak industri, perundingan, pengkomersilan serta khidmat kepada universiti dan masyarakat.
- d) Menyempurnakan tugas-tugas seperti mana yang dikehendaki oleh Ketua Jabatan.

## **CARA MEMOHON**

Sila majukan secara emel butiran jaya diri (CV) sijil akademik dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **09 April 2026** kepada:

**SEKRETARIAT**  
**Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik**  
**Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin**  
**Universiti Sains Malaysia**  
**14300 Nibong Tebal**  
**Pulau Pinang, Malaysia**  
**Emel: [mechanical@usm.my](mailto:mechanical@usm.my)**

(sebarang pertanyaan boleh menghubungi Cik Sheilawanis Abdul Karim, Pegawai Tadbir, [anisab@usm.my](mailto:anisab@usm.my)/ whatsapps: 0193888985)

\*Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga